

# Perkukuh strategi dakwah bendung pluralisme, liberalisme agama

Oleh Prof Madya  
Dr Muhamad Amar Mahmud



Pensyarah Pusat  
Pengajian  
Bahasa, Tamadun  
dan Falsafah (SLCP),  
Universiti Utara  
Malaysia (UUM)

Dalam dunia moden semakin terbuka dan terhubung tanpa sempadan, umat Islam kini berdepan cabaran besar menyentuh asas keimanan iaitu cabaran fahaman liberalisme dan pluralisme agama.

Kedua-dua aliran pemikiran ini mungkin kelihatan moden, intelektual dan progresif, namun hakikatnya mampu menggugat kesucian akidah jika tidak difahami dengan benar menurut pandangan Islam yang sebenar.

Liberalisme agama membawa gagasan bahawa individu mempunyai kebebasan mutlak memahami dan menafsir ajaran agama mengikut logik akal, pengalaman hidup serta kehendak peribadi.

Fahaman ini menolak keunggulan wahyu sebagai sumber mutlak kebenaran, lalu menggantikan kedudukannya dengan akal dan relativisme moral sebagai ukuran utama menentukan nilai benar atau salah sesuatu ajaran.

Dalam kerangka liberalisme, agama tidak lagi dilihat sebagai sistem wahyu bersumber daripada Allah SWT, tetapi produk sosial boleh berubah mengikut masa, budaya dan tafsiran manusia.

Pendekatan ini menimbulkan ancaman besar terhadap keutuhan pegangan akidah, kerana ia mengahkis asas ketaatan kepada al-Quran dan al-Sunnah sebagai panduan tertinggi kehidupan beragama.

Pluralisme agama pula berpaksikan fahaman semua agama mempunyai nilai kebenaran sama dan sah di sisi kepercayaan manusia.

Ia meletakkan setiap agama sebagai jalan setara menuju kebenaran mutlak, tanpa mengiktiraf keunikan wahyu terakhir dibawa Islam.

Dalam kerangka pemikiran ini,

setiap individu dianggap berhak sepenuhnya memilih, menukar atau meninggalkan agama anutannya pada bila-bila masa atas nama kebebasan dan hak asasi manusia.

Pandangan sedemikian menimbulkan persoalan besar terhadap ketetapan hukum murtad dalam Islam serta pelaksanaanannya dalam konteks masyarakat beragama dan berperlembagaan seperti Malaysia.

Sekilas pandangan, fahaman liberalisme dan pluralisme agama seolah-olah menjunjung nilai toleransi, kebebasan dan keterbukaan, namun di sebaliknya tersembunyi prinsip menghalalkan segala cara untuk mencapai tujuan, termasuk menafikan risalah Islam dibawa Nabi Muhammad SAW.

Kedua-dua fahaman ini tidak hanya mencabar kedudukan wahyu sebagai sumber mutlak kebenaran, tetapi mengubah persepsi masyarakat terhadap makna agama itu sendiri, daripada satu sistem keimanan berpaksikan wahyu kepada sekadar tafsiran manusia yang relatif dan berubah-ubah.

Di Malaysia, pengaruh fahaman ini semakin ketara menyusup masuk melalui pelbagai saluran kontemporari termasuk media sosial, wacana akademik, seni, budaya popular serta platform pendidikan kurang berteraskan nilai Islam.

Golongan muda terdedah kepada pemikiran sekular atau pendidikan tanpa asas akidah kukuh menjadi kelompok paling terkesan. Lebih membimbangkan, wujud kecenderungan sebahagian mereka mempertikaikan hukum Islam yang bersifat qat'ie, termasuk kewajipan menutup

aurat, hukum perkahwinan, pembahagian waris, malah konsep dosa dan pahala semuanya atas alasan 'hak kebebasan berfikir' dan 'konteks zaman moden'.

Fenomena ini bukan sahaja mencabar kuasa syariah, tetapi turut mengancam kestabilan akidah dan identiti Islam dalam masyarakat Malaysia berbilang agama dan budaya.

Menyadari ancaman dibawa fahaman liberalisme dan pluralisme terhadap keutuhan akidah umat Islam, pihak berkuasa agama di Malaysia mengambil langkah proaktif dan berhemah menanganinya.

Beberapa negeri seperti Selangor dan Wilayah Persekutuan mengeluarkan fatwa rasmi menegaskan fahaman ini menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar, kerana bertentangan prinsip akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Fatwa itu bukan sekadar satu pengisytiharan hukum, tetapi manifestasi tanggungjawab syarie dan institusi agama

memelihara maqasid syariah, khususnya aspek pemeliharaan agama (hifz al-din).

## Membina kefahaman Islam

Dalam hal ini, institusi agama perlu terus memperkukuh keupayaan wacana dan strategi komunikasi dakwah, bukan sekadar menolak fahaman songsang, tetapi membina kefahaman Islam menyeluruh dan meyakinkan.

Ini selaras dengan tuntutan firman Allah SWT: "Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan

nasihat yang baik, dan bantahlah mereka dengan cara lebih baik". (Surah al-Nahl, ayat 125)

Mempertahankan kesucian akidah bukan hanya amanah institusi agama, tetapi tanggungjawab bersama seluruh lapisan masyarakat Islam. Dalam menghadapi cabaran fahaman liberalisme dan pluralisme, setiap individu Muslim perlu memahami perlindungan terhadap akidah adalah tanggungjawab iman, bukan sekadar urusan fatwa atau penguatkuasaan.

Keluarga adalah benteng pertama pembentukan jati diri dan keutuhan pegangan agama. Oleh itu, ibu bapa harus memainkan peranan sebagai murabbi madani, mendidik anak dengan kefahaman Islam sahih, melalui contoh teladan dan gaya hidup beragama.

Dalam konteks pendidikan formal pula, guru dan institusi pendidikan memainkan peranan penting sebagai pemelihara pemikiran generasi muda.

Kurikulum pendidikan Islam harus diperkasa dengan sekader dalam bentuk hafalan atau teori, tetapi menekankan pembinaan daya fikir Islamiyah (al-fikr al-Islami) berasaskan wahyu.

Pelajar perlu digalakkan berfikir secara kritikal dalam kerangka disiplin ilmu Islam, supaya mereka mampu menilai dan menapis idea-luar yang bercanggah dengan prinsip agama.

Ilmuwan agama, pendakwah dan penggiat media Islam wajar menggunakan ruang digital sebagai medan tarbiah serta pencerahan, dengan menampilkan mesej Islam rasional, penuh kasih sayang dan relevan dengan realiti semasa.

Ruangan agama dalam akhbar, televisyen dan portal digital harus terus dihidupkan dan disuburkan sebagai saluran ilmu serta kefahaman Islam mendalam.

Malaysia sebagai negara berdaulat berpaksikan warisan sejarah dan identiti Islam menetapkan Islam sebagai agama Persekutuan sebagaimana termaktub dalam Perkara 3(1).

Prinsip kebebasan beragama perlu difahami dalam kerangka maqasid syariah, khususnya dalam aspek pemeliharaan agama (hifz al-din). Islam mengiktiraf kewujudan agama lain, tetapi pada masa sama menegaskan keesaan Allah SWT sebagai kebenaran mutlak dan menolak sebarang fahaman yang menyalak semua agama sebagai jalan kebenaran yang setara.

Dalam semangat Malaysia MADANI, umat Islam perlu memperkukuh ilmu, mendalami akidah dan memperluas dakwah dengan kasih sayang serta penuh rahmah. Menolak fahaman yang menyeleweng bukan berarti menolak kemanusiaan, tetapi mempertahankan kebenaran wahyu Allah SWT.

**“Pelajar perlu digalakkan berfikir secara kritikal dalam kerangka disiplin ilmu Islam, supaya mereka mampu menilai dan menapis idea-luar yang bercanggah dengan prinsip agama”**

